

>> Dari S1



# Banjir tinggal kesan buruk kepada penduduk

## Kerja pembersihan terus dilakukan

Masih terdapat sisa lumpur yang melekat pada lantai dan dinding rumah, kedai serta sekolah maka kerja pembersihan masih giat dilakukan semua pihak bagi memastikan rutin harian dapat dilakukan semula.

Tinjauan Sinar Harian ke lokasi kejadian pagi semalam mendapati, pemilik kedai makan dan kedai runcit masih giat melakukan kerja pembersihan. tidak ketinggalan, pihak pengurusan sekolah juga giat melakukan kerja pembersihan berikutan lima buah kelas dan bilik foto-stat dimasuki air petang kelmarin.

Sementara itu, Dr Che

binaan yang sedang dilakukan di kawasan berhampiran. Hujan lebat lebih satu jam kelmarin menyebabkan air lumpur dari kawasan pembinaan mengalir ke lebuhraya dan ke dalam Sungai Sering.

"Apabila pengaliran air ke dalam sungai tidak lagi mampu menampung kapasiti air, limpahan air sungai berlaku ke kawasan sekitar dan menyebabkan banjir lumpur berlaku.

"Kejadian banjir itu telah meninggalkan sisa lumpur sehingga menjadi selut tebal tetapi kerja pembersihan telah mendapat kerjasama daripada bomba dan penyelamat Kajang dan Serdang," kata-

● Jalan raya di Kampung Batu 9 ditenggelami limpahan air dari Sungai Sering.

Lebuhraya Cheras-Kajang mengalami banjir lumpur yang teruk pada jam 5 petang.

Dipercayai banjir lumpur itu berlaku disebabkan pembangunan berhampiran.

Apabila kejadian banjir lumpur itu berlaku, pihak pengurusan Tol Batu 9 terpaksa menutup satu lorong bahagian kiri dari arah Kuala Lumpur menghala ke Kajang bagi melaksanakan kerja pembersihan sisa lumpur yang memenuhi jalan.

Kerja pembersihan dilakukan 20 pekerja malah kawalan lalu lintas turut dilakukan bagi mengelakkan kejadian tidak diingini seperti penunggang motosikal terjatuh berikutan jalan licin.

Ia adalah kejadian kedua berlaku di lebuhraya itu selepas beberapa tahun.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Batu 9, Tan Keng Hua; Ahli Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Ng Tien Chee dan Pegawai dari Bahagian Kejuruteraan MPKj turun padang untuk memantau kejadian.

Ahli Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Ng Tien Chee berkata, kejadian banjir itu adalah yang pertama berlaku di Kampung Batu 9 sepanjang 30 penempatan penduduk dan juga yang terburuk berikutan hampir 100 rumah dimasuki air.

Tien Chee berkata, MPKj akan menyasiat punca berlakunya banjir lumpur itu dan menghubungi pihak berkaitan.

Penduduk mohon supaya sukarelawan serta bomba termasuk MPKj sendiri dapat membantu untuk melakukan kerja pembersihan sisa lumpur di jalan raya.

## Minggu lepas bincang masalah sistem perparitan

Dalam pada itu, Tien Chee berkata, Pengerusi JKKK kampung berkenaan berbincang dengannya minggu lepas berkaitan mekanisme menaiktarafkan sistem perparitan Kampung Batu 9.

Malah, katanya, beliau bersedia untuk memohon peruntukan daripada Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kampung Baru dan Penyelesaian Kilang Haram, Ean Yong Hian Wah, tetapi kejadian banjir berlaku.

"Sistem perparitan di kampung ini tidak begitu sempurna berikutan kebanyakan penduduk telah menutup sistem saliran perparitan mereka dan ia mengakibatkan pengaliran tidak berlaku secara siste-


matik.

"Bencana alam itu mendapat perhatian daripada Majlis Keselamatan Negara Negeri Selangor. Sumbangan juga akan diberikan kepada mangsa banjir," katanya kepada Sinar Harian di sini.

Tien Chee berkata, JKKK Kampung Batu 9 perlu melaksanakan bancia jumlah rumah dan kedai yang terlibat dan membuat laporan polis supaya sumbangan dapat diberikan.

Beliau berkata, usaha Kerajaan Negeri dan Ahli Parlimen Hulu Langat, Dr Che Rosli Che Mat yang meminta sukarelawan bomba dan penyelamat membantu untuk membersihkan jalan raya dan sekolah amat dihargai.

Rosli berkata, kejadian nya kepada Sinar Harian banjir itu dipercayai berlaku ketika dihubungi se-ku akibat daripada pem- malam.



● Pusat jagaan warga emas juga dipenuhi dengan lumpur selepas kejadian banjir itu.



● Seorang pelajar melihat fail yang kebanyakannya basah disebabkan banjir.

“Kejadian banjir itu telah meninggalkan sisa lumpur sehingga menjadi selut tebal tetapi kerja pembersihan telah mendapat kerjasama daripada bomba dan penyelamat Kajang dan Serdang.”



● Peti sejuk dihanyutkan air dan beralih dari tempat asal dalam kejadian banjir berkenaan.